

# Rafidah serah surat penjelasan

UM - 9 JUL 2005

KUALA LUMPUR 8 Julai – Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz telah menyerahkan surat penjelasan berhubung isu Proton dan permit import (AP) kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti mana yang diarah Kabinet.

Menurutnya, surat tersebut sudah diterima oleh bekas Perdana Menteri.

“Tak payah cerita lah, dah sampai dah (surat kepada Dr. Mahathir),” katanya ketika diajukan soalan mengenai perkara itu selepas menghadiri Majlis Perasmian Kongres Wanita Profesional Melayu 2005 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Difahamkan surat itu dihantar kepada Dr. Mahathir di rumahnya malam tadi sebelum beliau berangkat ke luar negara.

Semalam Perdana Menteri berkata, Kabinet mengarahkan Rafidah menjawab secara bertulis kepada Dr. Mahathir berhubung isu Proton dan pengeluaran AP.

Menurut Abdullah, Rafidah “perlu menjawab kerana isu-isu itu adalah berkenaan kementerian beliau.”

Dalam reaksi segera berikutan kenyataan Perdana Menteri itu, Rafidah semalam memaklumkan yang beliau memang akan memberikan penjelasan bertulis kepada Dr. Mahathir tetapi masih menunggu masa dan tarikh yang sesuai.